



Rujukan Kami : JUPEM 18/7/2.148 Jld.2 ( 52 )

Tarikh: 2 Mei 2008

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Pengarah Ukur Topografi Semenanjung  
Pengarah Ukur Topografi Sabah  
Pengarah Ukur Topografi Sarawak**

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2008**

---

**KADAR BARU ELAUN KERJALUAR KADASTER DAN PEMETAAN  
BAGI KAKITANGAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan bagi menetapkan kadar baru serta syarat pembayaran elaun kerjaluar kepada pegawai dan pekerja pasukan ukur Kadaster dan Pemetaan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyemak kembali kadar semasa elaun kerjaluar yang diberikan kepada pegawai dan

pekerja pasukan ukur Kadaster dan Pemetaan dan menaikkan kadar elaun tersebut, berdasarkan kepada keadaan semasa.

- 2.2 Kadar semasa elaun kerjalar yang diberikan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 2 Tahun 1996, manakala syarat-syarat pembayarannya pula adalah berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 4 Tahun 1983.
- 2.3 Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun bersetuju untuk menaikkan kadar elaun kerjalar Kadaster dan Pemetaan tersebut berdasarkan kepada surat Bil. JPA(S)63/183 (18) bertarikh 24 April 2008.
- 2.4 Kadar elaun dalam Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 2 Tahun 1996 adalah mengikut kadar bulanan dan juga harian, manakala kadar baru elaun kerjalar yang diluluskan ini hanya memperuntukkan kadar harian sahaja. Terdapat juga pindaan kepada kategori kadar yang digunakan sebelum ini di mana Kategori **Kadar C** telah pun dipinda kepada tugas dalam kawasan hutan di luar Ibu Pejabat.

### **3. KADAR BARU DAN SYARAT PEMBAYARAN ELAUN KERJALUAR**

- 3.1 Perbandingan di antara elaun kerjalar semasa dan elaun kerjalar baru yang akan dibayar bagi **Kadar A – Kadar E** adalah seperti berikut:-

Gred Pegawai	KADAR A (RM)		KADAR B (RM)		KADAR C (RM)		KADAR D (RM)		KADAR E (RM)	
	Semasa	Baru	Semasa	Baru	Semasa	Baru	Semasa	Baru	Semasa	Baru
J41 – J44	9.30	<b>12.67</b>	23.20	<b>31.70</b>	25.90	<b>34.67</b>	67.30	<b>79.00</b>	35.55	<b>44.17</b>
J17 – J38	5.90 – 7.65	<b>9.87</b>	14.45 – 19.15	<b>24.67</b>	17.20 – 21.70	<b>27.67</b>	44.65 – 56.30	<b>62.20</b>	23.85 – 29.80	<b>35.07</b>
J1 – J6 R1 – R4	4.65 – 5.30	<b>8.67</b>	11.80 – 13.25	<b>21.67</b>	14.35 – 15.80	<b>24.67</b>	37.65 – 41.35	<b>55.00</b>	19.75 – 21.47	<b>31.17</b>

3.2 Kategori kadar yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

**Kadar A** – bagi tugas dalam kawasan Ibu Pejabat.

**Kadar B** – bagi tugas dalam kawasan biasa di luar Ibu Pejabat.

**Kadar C** – bagi tugas dalam kawasan hutan di luar Ibu Pejabat.

**Kadar D** – bagi tugas pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia - Thailand.

**Kadar E** – bagi tugas pengukuran sempadan antara negeri.

3.3 Tafsiran 'Ibu Pejabat' hendaklah sama dengan tafsiran menurut para 2.2 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1992.

3.4 Elaun kerjalar ini boleh dibayar bagi hari kelepasan am dan mingguan dengan syarat pekerja berada di kawasan kerja pada hari-hari itu.

3.5 Selain para 3.4 di atas, elaun kerjalar tidak boleh dibayar pada masa seseorang pekerja tidak menjalankan tugas kerjalar, atau bercuti pelbagai jenis termasuk cuti rehat, cuti sakit dan lain-lain.

- 3.6 Pembayaran Kadar Elaun Kerjalar Kadaster dan Pemetaan ini juga dipanjangkan kepada aktiviti kerjalar strata.
- 3.7 Elaun Kerjalar Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia yang dinikmati sekarang dikekalkan mengikut kadar Elaun Gantian Tetap di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1992.
- 3.8 Bayaran Insentif Persempadanan bagi Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dikekalkan sebanyak RM 10.00 seorang sehari.
- 3.9 Kadar pemberian Elaun Kerjalar Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dan Bayaran Insentif Persempadanan dipanjangkan bagi kerja-kerja Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Brunei Darussalam yang akan dilaksanakan apabila tiba masanya kelak.

#### **4. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 4 Tahun 1983 dan Bilangan 2 Tahun 1996 adalah dengan ini dibatalkan.

#### **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa **mulai dari 1 April 2008**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK HAMID BIN ALI )**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

**Salinan kepada:**

Dato' Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan